

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1991. Tajuk rmgkas.

2. Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 6. Akta 441.

"Larangan ke atas pemegangan saham di dalam syarikat luar pesisir. 6. Tiada seorang pun pemastautin, selain daripada—

(a) suatu syarikat domestik atau asing yang diberi lesen atau didaftarkan di bawah—

Akta 89.

(i) Akta Insurans 1963;

Akta 276.

(ii) Akta Bank Islam 1983;

Akta 312.

(iii) Akta Takaful 1984; atau

Akta 372.

(iv) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989; atau

(b) suatu syarikat amanah,

boleh memegang syer-syer, sama ada secara individu atau dengan seseorang lain, dalam suatu syarikat luar pesisir, tetapi sesuatu syarikat amanah yang merupakan syarikat domestik hanya boleh memegang syer-syer itu sebagai pemegang amanah atau penama."

Pindaan
seksyen 29.

3. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dan mana-mana orang" di dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "kecuali oleh suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang diberi lesen di bawah Akta Bank Luar pesisir 1990 dan mana-mana orang, selain daripada suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang diberi lesen sedemikian di bawah Akta itu,".

Pindaan
seksyen 31.

4. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan yang berikut:

"(6) Dalam seksyen ini, "syarikat ditetapkan" ertinya—

- (a) suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang diberi lesen di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990; atau
- (b) suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau syarikat amanah yang telah diisytiharkan oleh Menteri melalui notis yang disiarkan dalam *Warta* sebagai suatu syarikat ditetapkan bagi maksud-maksud seksyen ini."

Pindaan
seksyen 87.

5. Seksyen 87 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah yang terdapat pada akhir subseksyen (2) dengan noktah bertindih dan memasukkari selepas itu proviso baru yang berikut:

"Dengan syarat bahawa seorang pegawai suatu syarikat domestik atau asing yang diberi lesen atau didaftarkan di bawah Akta Insurans 1963, Akta Bank

Islam 1983, Akta Takaful 1984 atau Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang disediakan bagi perlantikan itu oleh syarikat domestik atau asing tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh bertindak atau dilantik sebagai pengarah pemastautin suatu syarikat luar pesisir dalam mana syarikat domestik atau asing tersebut memegang syer-syer."

6. Seksyen 109 Akta ini adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 109.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Penyata" dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "Tertakluk kepada seksyen 113A, penyata"; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "dalam subseksyen (4)" dalam subseksyen (5), perkataan-perkataan "atau akaun-akaun tak teraudit, mengikut mana-mana yang berkenaan,".

7. Seksyen 111 Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "akaun-akaun teraudit" dalam baris kedua dan kelima subseksyen (1) masing-masing, perkataan-perkataan "atau akaun-akaun tak teraudit, mengikut mana-mana yang berkenaan," dan "atau akaun-akaun tak teraudit".

Pindaan
seksyen 111.

8. Seksyen 112 Akta ini adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 112.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "akaun teraudit", perkataan-perkataan "atau akaun tak teraudit, mengikut mana-mana yang berkenaan,";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "akaun-akaun itu", perkataan-perkataan "(jika terpakai)"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "empat belas" dengan perkataan "tujuh".

Seksyen
baru 113A.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 113, seksyen baru 113A yang berikut:

"Juruaudit tidak dikehendaki dalam keadaan-keadaan tertentu.
Akta 443.
Akta 444.

113A. Suatu syarikat luar pesisir tidak dikehendaki melantik seorang juruaudit selagi—

- (a) ia bukan suatu syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau Akta Insurans Luar Pesisir 1990;
- (b) syarikat atau seorang pegawai, pengarah, ejen atau mana-mana orang bagi pihak syarikat tidak—
 - (i) mengeluarkan suatu pelawaan atau membahagi-bahagikan borang permohonan kepada orang awam atau kepada mana-mana orang awam untuk memohon beli syer-syer atau debentur-debentur dalam syarikat itu; atau
 - (ii) mengeluarkan suatu pelawaan kepada orang awam atau mana-mana orang awam untuk menandatangani wang dengan, atau memberi pinjaman wang kepada, syarikat itu; dan
- (c) anggota-anggota syarikat itu membuat ketetapan sedemikian pada mesyuarat anggota-anggota syarikat itu yang perlantikan sedemikian tidak perlu dibuat berkenaan dengan setiap tahun kewangan."

Seksyen
baru 150,
151 dan 152,

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 149, seksyen baru 150, 151 dan 152 yang berikut:

"Kuasa mengecualikan.

150. Menteri boleh, atas syor Pendaftar, atas permohonan secara bertulis, mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat

luar pesisir asing atau kelas syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini dan boleh, pada memberikan pengecualian itu, mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

151. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang menjalankan aktiviti perniagaan luar pesisir yang merupakan suatu perdagangan luar pesisir seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir 1990 boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa fee lain yang dibayar di bawah Akta ini, membayar suatu fee sejumlah dua puluh ribu ringgit kepada Pendaftar.

Fee
tambahan.

Akta 445.

(2) Fee sedemikian hendaklah dibayar tidak lewat dari 31 haribulan Mac suatu tahun kalendar.

152. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memperuntukkan bahawa mana-mana undang-undang bertulis, atau sebahagian daripadanya, yang ditentukan di dalam perintah itu, tidak terpakai berhubungan dengan suatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir asing, syarikat amanah, atau seseorang yang memegang suatu lesen yang sah yang diberi sama ada di bawah seksyen 6 (2) Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau seksyen 9(1) Akta Insurans Luar Pesisir 1990, atau akan terpakai baginya dengan apa-apa ubahsuaian yang dinyatakan dalam perintah itu.

Tidak
terpakainya
undang-
undang
bertulis
yang
tertentu.

Akta 443.

Akta 444.

(2) Ubahsuaian yang dibuat kepada sesuatu undang-undang bertulis oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai sebahagian integral undang-undang bertulis sedemikian bagi maksud-maksud perintah tersebut.

(3) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan dari tarikh sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.

(4) Dalam seksyen ini "ubahsuaian" termasuklah pindaan, penyesuaian, perubahan, variasi, penambahan, pemotongan, penggantian atau ketakmasukan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 6 untuk membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat insurans Malaysia memegang syer-syer di dalam syarikat-syarikat luar pesisir dengan tidak perlu menyatakan struktur pegangan syer.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 29 untuk membenarkan bank-bank luar pesisir yang berlesen meminjam atau memberi pinjaman wang kepada pemastautin-pemastautin Malaysia.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 31 untuk mengisytiharkan semua bank luar pesisir sebagai syarikat-syarikat ditetapkan daripada mulanya.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 87 untuk membenarkan bank-bank luar pesisir dan syarikat-syarikat insurans luar pesisir yang dimiliki oleh rakyat Malaysia melantik pengarah-pengarah pemastautin yang bukannya pegawai-pegawai syarikat amanah.

6. *Fasal 6, 7 dan 8* masing-masing bertujuan meminda seksyen 109, 111 dan 112 yang berbangkit daripada kemasukan satu seksyen baru 113A yang memberi pengecualian dalam perlantikan juruaudit-juruaudit dalam keadaan-keadaan tertentu.

7. *Fasal 8* juga bertujuan meminda seksyen 112 dengan menghendaki satu salinan akaun teraudit disebarikan kepada anggota-anggota sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum sesuatu mesyuarat anggota-anggota berbanding dengan kehendak semasa selama empat belas hari.

8. *Fasal 9* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 113A yang member! pengecualian dalam perlantikan juruaudit-juruaudit oleh sesuatu syarikat luar pesisir dalam keadaan-keadaan tertentu.

9. *Fasal 10* bertujuan memasukkan seksyen baru 150, 151 dan 152. Seksyen 150 memberi kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar Syarikat mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta. Seksyen 151 mengecualikan suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada kehendak membayar cukai atas keuntungannya yang boleh dikenakan cukai, jika syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu telah membayar suatu fee yang ditentukan kepada Pendaftar Syarikat tidak lewat dari 31hbMac suatu tahun kalendar. Seksyen 152 memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk inengisyiharkan bahawa sesuatu undang-undang tertentu atau sebahagian daripadanya tidak akan terpakai bagi sesuatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir asing, syarikat amanah atau seseorang yang dilesenkan sebagai suatu bank luar pesisir atau syarikat insurans luar pesisir.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1665.]